

RM96 juta untuk mangsa banjir

FARAH SHAZWANI ALI

KEMAMAN - Kerajaan memperuntukkan RM96 juta bagi membantu 19,205 keluarga di Terengganu yang mengalami kerugian teruk akibat bencana banjir, penghujung tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, peruntukan itu meliputi pakej bantuan bernilai RM5,000 terdiri daripada dapur, tilam, bantal, peti sejuk dan TV Led 32 inci serta bantuan wang tunai RM500.

Menurutnya, bantuan itu diharapkan akan membantu mangsa banjir yang terjejas untuk bangun semula, selepas musibah menimpa mereka itu.

"Bantuan yang kerajaan berikan ini bukan sekadar nilai, tetapi yang lebih mahal daripada itu adalah ia akan mencetuskan satu semangat untuk rakyat bangun semula.

"Kalau tsunami di Jepun, rakyat boleh bangkit semula, kita harap sumbangan ini begitu juga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada Majlis Penyampaian Bantuan Mangsa Banjir dan Meraikan Sukarelawan di Padang Astaka, Chukai, di sini, semalam.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Presiden Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim dan pemimpin-pemimpin pusat serta kerajaan negeri.

Sementara itu, Najib berkata, bagi mengatasi masalah banjir di beberapa kawasan di Pantai Timur, kerajaan memperuntukkan lebih RM1 bilion bagi projek tebatan banjir.

Jumlah itu katanya, melibatkan projek tebatan di Kemaman bernilai RM480 juta, Kuantan sebanyak RM700 juta dan juga beberapa tempat lain yang dikenal pasti.

"Selain itu banyak lagi yang kita perlu lakukan, tidak termasuk jalan yang perlu diperbaiki, jambatan yang



Najib (tiga, kiri) menyampaikan replika cek untuk RM9.6 juta kepada Ahmad (dua, kiri) sebagai peruntukan bantuan untuk mangsa banjir di Terengganu.

musnah perlu dibina semula, sekolah, hospital dan sebagainya, tentu sekali keperluan yang amat besar.

"Sebab itu kita perlu buat transformasi ekonomi negara.

"Bila kita lakukan transformasi

ekonomi, ekonomi negara kita akan menjadi lebih kukuh, mantap dan penambahan boleh dibuat," katanya.